

Kempen ASB Plus

Soalan Lazim

No.	Soalan	Jawapan									
Ringkasan ASB Plus											
1.	Apakah itu ASB Plus?	ASB Plus ialah kempen pelaburan yang menawarkan pakej gabungan Unit Amanah Harga Tetap (ASB atau ASB 2) bersama-sama Unit Amanah Harga Berubah. Kempen ini menawarkan pulangan tambahan sebanyak 1% (Pulangan Tambahan) ke atas bahagian Unit Amanah Harga Tetap dalam pelaburan tersebut. Pakej ASB Plus hanya boleh didapati sepanjang tempoh kempen, dan pelaburan adalah tertakluk kepada tempoh terkunci.									
2.	Apakah pakej, atau kombinasi unit amanah yang ditawarkan?	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th><th>Unit Amanah Harga Tetap</th><th>Unit Amanah Harga Berubah</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pakej 1</td><td>ASB</td><td>ASN Imbang 2</td></tr> <tr> <td>Pakej 2</td><td>ASB 2</td><td>ASN Imbang 2</td></tr> </tbody> </table>		Unit Amanah Harga Tetap	Unit Amanah Harga Berubah	Pakej 1	ASB	ASN Imbang 2	Pakej 2	ASB 2	ASN Imbang 2
	Unit Amanah Harga Tetap	Unit Amanah Harga Berubah									
Pakej 1	ASB	ASN Imbang 2									
Pakej 2	ASB 2	ASN Imbang 2									
3.	Apakah nisbah pelaburan bagi setiap pakej?	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th><th>Unit Amanah Harga Tetap</th><th>Unit Amanah Harga Berubah</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Nisbah pelaburan</td><td>70%</td><td>30%</td></tr> </tbody> </table>		Unit Amanah Harga Tetap	Unit Amanah Harga Berubah	Nisbah pelaburan	70%	30%			
	Unit Amanah Harga Tetap	Unit Amanah Harga Berubah									
Nisbah pelaburan	70%	30%									
4.	Berapa lamakah tempoh kempen ini?	ASB Plus akan berlangsung dari 1 Ogos hingga 19 Disember 2025 (dilanjutkan daripada tarikh akhir asal pada 30 September 2025).									
5.	Di manakah boleh saya melabur dalam ASB Plus?	ASB Plus ditawarkan di semua cawangan ASNB dan dalam talian melalui aplikasi myASNB serta portal myASNB di www.myasnb.com.my .									
Syarat Kelayakan dan Langganan											
6.	Siapakah yang layak melabur dalam pakej yang ditawarkan?	Semua pemegang unit baharu dan sedia ada yang memenuhi kriteria kelayakan Unit Amanah yang ditawarkan dalam pakej ASB Plus (termasuk Akaun Dewasa dan/atau Akaun Remaja/Bijak).									
7.	Adakah terdapat jumlah pelaburan minimum?	Pelaburan minimum sebanyak RM1,000 diperlukan bagi setiap transaksi dalam pakej ASB Plus.									
8.	Adakah terdapat jumlah pelaburan maksimum?	Tidak ada jumlah pelaburan maksimum yang dikenakan bagi setiap langganan pakej ASB Plus. Walau bagaimanapun, semua langganan adalah tertakluk kepada baki unit individu anda yang masih tersedia untuk dibeli dalam ASB/ASB 2, ketersediaan unit ASB 2, dan had transaksi di saluran berkenaan, sekiranya ada.									
9.	Adakah terdapat had kepada bilangan pakej ASB Plus yang boleh saya langgani?	Tiada had kepada bilangan pakej yang boleh anda langgani sepanjang tempoh kempen, selagi anda mempunyai unit individu mencukupi untuk dibeli dalam ASB/ASB 2.									
10.	Adakah saya perlu mempunyai baki sedia ada dalam Unit Amanah Harga Tetap dan/atau Unit Amanah Harga Berubah yang ditawarkan dalam ASB Plus?	Tidak. Anda tidak perlu mempunyai baki sedia ada dalam unit amanah dalam pakej pilihan anda.									

No.	Soalan	Jawapan																				
11.	Bolehkah saya melabur dalam ASB Plus melalui Skim Pelaburan Ahli (SPA) KWSP?	Tidak. Pelaburan dalam ASB Plus melalui SPA-KWSP tidak dibenarkan.																				
12.	Bolehkah saya melabur dalam ASB Plus melalui pembiayaan?	Tidak. Pelaburan dalam ASB Plus melalui pembiayaan tidak dibenarkan.																				
Pulangan Tambahan																						
13.	Apakah itu Pulangan Tambahan?	Pulangan Tambahan merujuk kepada pulangan tambahan yang anda akan perolehi ke atas bahagian pelaburan Unit Amanah Harga Tetap anda dalam pakej ini. Kadar Pulangan Tambahan ialah 1.00% setahun, dan akan dibayar dalam bentuk unit ASB atau ASB 2. Berikut merupakan contoh pengiraan Pulangan Tambahan bagi pelaburan RM10,000 dengan RM7,000 yang diperuntukkan ke dalam Unit Amanah Harga Tetap: Pulangan Tambahan = Jumlah dalam Unit Amanah Harga Tetap × Kadar Pulangan Tambahan (%) Pulangan Tambahan = 7,000 × 1.00% = RM70																				
14.	Bilakah saya akan dapat Pulangan Tambahan saya?	Pulangan Tambahan anda akan dikreditkan ke dalam akaun Unit Amanah Harga Tetap yang berkenaan pada tarikh pengagihan pendapatan unit amanah tersebut. Tarikh-tarikh tersebut adalah seperti berikut: <table><tr><td>ASB</td><td>1 Januari 2026</td></tr><tr><td>ASB 2</td><td>1 April 2026</td></tr></table>	ASB	1 Januari 2026	ASB 2	1 April 2026																
ASB	1 Januari 2026																					
ASB 2	1 April 2026																					
15.	Adakah Pulangan Tambahan daripada semua pakej yang saya langgani akan dibayar pada masa yang sama?	Ya, sekiranya anda melabur dalam beberapa pakej semasa tempoh kempen, semua unit Pulangan Tambahan dari setiap pakej akan dikreditkan sekaligus dalam akaun Unit Amanah Harga Tetap yang berkenaan pada tarikh pengagihan pendapatan unit amanah masing-masing, walaupun tempoh terkunci belum tamat. Sila ambil perhatian bahawa unit Pulangan Tambahan boleh dikeluarkan, manakala pelaburan pokok ASB Plus akan kekal terkunci sehingga tamat tempoh terkunci. Berikut merupakan contoh pembayaran Pulangan Tambahan untuk beberapa pelaburan dalam pakej ASB Plus: <table><tr><th>Tarikh Transaksi</th><th>Unit Amanah Harga Tetap dan Jumlah Pelaburan</th><th>Jumlah Pulangan Tambahan (unit)</th><th>Tarikh Pembayaran Pulangan Tambahan</th></tr><tr><td>10 Ogos 2025</td><td>ASB – RM7,000</td><td>70</td><td>1 Januari 2026</td></tr><tr><td>15 Ogos 2025</td><td>ASB 2 – RM14,000</td><td>140</td><td>1 April 2026</td></tr><tr><td>31 Ogos 2025</td><td>ASB 2 – RM3,500</td><td>35</td><td>1 April 2026</td></tr><tr><td>5 September 2025</td><td>ASB – RM4,200</td><td>42</td><td>1 Januari 2026</td></tr></table>	Tarikh Transaksi	Unit Amanah Harga Tetap dan Jumlah Pelaburan	Jumlah Pulangan Tambahan (unit)	Tarikh Pembayaran Pulangan Tambahan	10 Ogos 2025	ASB – RM7,000	70	1 Januari 2026	15 Ogos 2025	ASB 2 – RM14,000	140	1 April 2026	31 Ogos 2025	ASB 2 – RM3,500	35	1 April 2026	5 September 2025	ASB – RM4,200	42	1 Januari 2026
Tarikh Transaksi	Unit Amanah Harga Tetap dan Jumlah Pelaburan	Jumlah Pulangan Tambahan (unit)	Tarikh Pembayaran Pulangan Tambahan																			
10 Ogos 2025	ASB – RM7,000	70	1 Januari 2026																			
15 Ogos 2025	ASB 2 – RM14,000	140	1 April 2026																			
31 Ogos 2025	ASB 2 – RM3,500	35	1 April 2026																			
5 September 2025	ASB – RM4,200	42	1 Januari 2026																			

No.	Soalan	Jawapan
16.	Adakah Pulangan Tambahan merupakan pembayaran tunggal?	Ya. Pulangan Tambahan dibayar secara tunggal sebagai ganjaran memenuhi syarat-syarat kempen. Ia tidak akan dibayar pada tarikh pengagihan pendapatan bagi tahun-tahun berikutnya.
17.	Adakah Pulangan Tambahan bergantung kepada prestasi unit amanah?	Tidak. Pulangan Tambahan ditetapkan pada kadar 1.00% tanpa mengambil kira prestasi unit amanah yang berkenaan, kerana unit Pulangan Tambahan ini diberikan oleh ASNB dan bukan daripada unit amanah.
18.	Bagaimana cara menyemak pulangan tambahan saya?	Anda boleh menyemak pembayaran pulangan tambahan melalui aplikasi myASNB dan portal, dipaparkan sebagai “ER Bundle Reward” di bawah Urus Niaga Terkini atau Rekod Transaksi. Selain itu, anda boleh membuat semakan di mana-mana cawangan ASNB atau ejen.
Tempoh Terkunci, Pembatalan & Pengeluaran		
19.	Apakah maksud tempoh terkunci?	Semua pelaburan yang dibuat melalui ASB Plus tertakluk kepada tempoh terkunci selama 12 bulan. Sepanjang tempoh terkunci, anda tidak dibenarkan untuk mengeluarkan (<i>redeem</i>), memindah (<i>transfer-out</i>), dan menukar (<i>switch-out</i>) jumlah pelaburan pokok dalam pakej ASB Plus anda. Walau bagaimanapun, unit yang dilanggan di luar ASB plus dan sebarang pengagihan pendapatan dan/atau bonus tidak tertakluk kepada tempoh terkunci.
20.	Bolehkah saya membatalkan atau mengeluarkan pelaburan ASB Plus?	Tidak. Setelah pelaburan anda dalam ASB Plus disahkan, ia akan tertakluk kepada tempoh terkunci selama 12 bulan. Pembatalan dan pengeluaran tidak dibenarkan sepanjang tempoh terkunci.
21.	Adakah hak bertenang digunapakai ke atas Unit Amanah Harga Berubah dalam pelaburan ASB Plus?	Ya, jika anda tidak pernah membuat pelaburan dalam mana-mana Unit Amanah Harga Berubah sebelum ini. Tempoh bertenang adalah selama 6 hari berkerja bermula dari tarikh pelaburan. Sekiranya hak bertenang dilaksanakan, bahagian Unit Amanah Harga Berubah, akan dipulangkan (<i>refunded</i>) dalam 7 hari bekerja dari tarikh permintaan pelaksanaan hak bertenang. Bahagian Unit Amanah Harga Tetap akan dilepaskan daripada tempoh terkunci dan kekal dalam akaun anda, dan boleh dikeluarkan sekiranya anda berhasrat berbuat demikian. Pulangan Tambahan tidak akan dibayar.
Kelebihan ASB Plus		
22.	Apakah manfaat melabur dalam ASB Plus?	ASB Plus menawarkan peluang untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan anda dengan menggabungkan kestabilan Unit Amanah Harga Tetap (ASB atau ASB 2) bersama-sama potensi pertumbuhan Unit Amanah Harga Berubah terpilih. Sebagai ganjaran melabur melalui ASB Plus, anda bakal menikmati Pulangan Tambahan eksklusif sebanyak 1.00% ke atas pelaburan ASB atau ASB 2 di bawah kempen ASB Plus. Mekanisme tempoh terkunci menggalakkan pelaburan berdisiplin dengan membantu anda mengekalkan baki bulanan minimum sepanjang tempoh terkunci, justeru memaksimumkan potensi pengagihan pendapatan dari Unit Amanah Harga Tetap.